



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN KELANTAN**

---

**PERCUBAAN SPM  
2021**

---

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 1 & 2**

---

***UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA***

**SKEMA  
PEMARKAHAN**

---

**Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**

**(30 markah)**

**KRITERIA PENSKORAN**

| <b>PERINGKAT</b> | <b>MARKAH</b>                            | <b>KRITERIA</b>  |
|------------------|--|--|
| Cemerlang        | <b>26 – 30</b><br>(28 – 30)<br>(26 – 27) | <ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan.</li><li>• <b>Bahasa gramatis</b> dari segi kata dan ayat. Penggunaan <b>tanda baca betul</b> dan <b>tepat</b>. <b>Ejaan</b> mengikut <b>Sistem Ejaan Rumi Baharu</b>. Penggunaan <b>kosa kata luas</b> dan <b>tepat</b>.</li><li>• <b>Wacananya lengkap</b>. <b>Unsur bahasa</b> yang digunakan <b>bervariasi</b> dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li><li>• Idea relevan dengan <b>tema</b> bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li></ul> |
| Kepujian         | <b>20 – 25</b><br>(23 – 25)<br>(20 – 22) | <ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan.</li><li>• <b>Bahasa gramatis</b> dari segi kata dan ayat. <b>Tanda baca betul</b> dan <b>tepat</b>. <b>Ejaan</b> mengikut <b>Sistem Ejaan Rumi Baharu</b>. Penggunaan <b>kosa kata luas</b>.</li><li>• <b>Wacananya lengkap</b>. <b>Unsur bahasa</b> yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li><li>• <b>Idea relevan</b> dengan <b>tema</b> bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas</b>.</li></ul>   |
| Memuaskan        | <b>15 – 19</b><br>(17 – 19)<br>(15 – 16) | <ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>masih menepati tema</b> bahan rangsangan.</li><li>• <b>Bahasa masih gramatis</b> dari segi kata dan ayat. Penggunaan <b>tanda baca masih betul</b> dan <b>tepat</b>. <b>Ejaan masih</b> mengikut <b>Sistem Ejaan Rumi Baharu</b>. Penggunaan <b>kosa kata terhad</b>.</li><li>• <b>Wacananya masih lengkap</b>. <b>Unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li><li>• <b>Idea masih</b> relevan dengan <b>tema</b> bahan rangsangan. <b>Huraian idea masih jelas</b>.</li></ul>  |

| PERINGKAT          | MARKAH                            | KRITERIA  |
|--------------------|-----------------------------------|---|
| Kurang memuaskan   | 10 – 14<br>(12 – 14)<br>(10 – 11) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang menepati tema</b> bahan rangsangan.</li> <li>• <b>Bahasa kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu</b> tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>• <b>Wacananya kurang</b> lengkap. <b>Unsur bahasa kurang</b> bervariasi.</li> <li>• <b>Idea kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan dan <b>huraiannya kurang</b> jelas.</li> </ul> |
| Pencapaian minimum | 01 – 09<br>(06 – 09)<br>(01 – 05) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b>Banyak</b> kesalahan <b>bahasa</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• <b>Idea tidak</b> menepati <b>tema</b> bahan rangsangan.</li> </ul>  |

**Ungkapan menarik :**

*Peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.*

**Karangan B : Karangan Respons Terbuka  
(70 markah)**

**KRITERIA PENSKORAN**

| PERINGKAT | MARKAH  | KRITERIA  |
|-----------|---------|---|
| Cemerlang | 59 - 70 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan <b>jelas</b> dan <b>matang</b>, disertakan dengan <b>contoh</b> yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> yang <b>gramatis</b>.</li> <li>• <b>Laras bahasa sesuai</b> dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa amat menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li>• <b>Pengolahan sangat menarik</b> dan <b>berkesan</b> serta <b>pemerenggan sesuai</b>.</li> <li>• <b>Wacana lengkap</b> dan terdapat <b>kesinambungan idea</b> yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> </ul>        |
| Kepujian  | 47 - 58 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan <b>jelas</b>, disertakan dengan <b>contoh</b> yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca betul</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis ayat</b> yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• <b>Laras bahasa sesuai</b> dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li>• <b>Pengolahan menarik</b> dan <b>berkesan</b> serta <b>pemerenggan sesuai</b>.</li> <li>• <b>Wacana lengkap</b> dan terdapat <b>kesinambungan idea</b> yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> </ul> |

| PERINGKAT | MARKAH  | KRITERIA  |
|-----------|---------|---|
| Baik      | 35 - 46 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian <b>isi masih jelas</b> dan <b>contoh masih sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca masih betul</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• <b>Laras bahasa sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan masih menarik</b> dan <b>pemerenggan masih sesuai</b>.</li> <li>• <b>Wacana masih lengkap</b>.</li> </ul> |
| Memuaskan | 23 - 34 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian <b>isi kurang jelas</b> dan <b>contoh kurang sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata terhad</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum dan terhad</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca betul</b> tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• Ayat <b>kurang gramatis</b>.</li> <li>• <b>Laras bahasa kurang sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa kurang bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa kurang menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan kurang berkesan</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan kurang menarik</b>.</li> <li>• <b>Wacana masih / kurang lengkap</b>.</li> </ul>                                   |

| PERINGKAT          | MARKAH  | KRITERIA  |
|--------------------|---------|---|
| Kurang memuaskan   | 12 - 22 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</b></li> <li>• Penggunaan <b>kata kurang tepat.</b></li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum dan terhad.</b></li> <li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan dan tanda baca yang ketara.</b></li> <li>• <b>Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.</b></li> <li>• <b>Unsur bahasa tidak bervariasi.</b></li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah.</b></li> <li>• <b>Pengolahan tidak menarik.</b></li> <li>• <b>Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</b></li> </ul> |
| Pencapaian Minimum | 01 - 11 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</b></li> <li>• <b>Keseluruhannya</b> menunjukkan penggunaan <b>kata dan ayat yang tidak gramatis.</b></li> <li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan dan tanda baca yang ketara.</b></li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah dan tidak menarik.</b></li> <li>• <b>Pengolahan tidak menarik.</b></li> <li>• <b>Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</b></li> <li>• <b>Keseluruhan</b> karangan <b>sukar / tidak difahami.</b></li> </ul>                                 |

## BAHAGIAN A

[30 markah]

Maklumat di bawah berkaitan dengan penyakit berjangkit.

Huraikan pendapat anda tentang **penyakit berjangkit**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

### Kehendak / Tugas soal :

Calon diharapkan dapat menulis sebuah karangan tentang penyakit berjangkit berdasarkan **kedua-dua bahan** yang disediakan. Murid-murid perlu **akur dengan jumlah patah perkataan yang ditetapkan iaitu 150 – 200**.

### **Cadangan jawapan berdasarkan Bahan 1**

Murid dikehendaki menerangkan **kesan penyakit berjangkit**

- Menjejaskan kesejahteraan manusia.
- Menjejaskan pembangunan negara.

Usaha mencegah penyakit berjangkit

- Program imunisasi dan vaksinasi
- Pencegahan dan kawalan – pendidikan di sekolah, klinik, hospital dan media sosial.

Murid boleh menggunakan statistik yang terdapat dalam Bahan 2 sebagai contoh.

*Kemungkinan :*

- i. Sekiranya calon menggunakan idea yang diberikan – layak cemerlang (26 – 30)
- ii. Sekiranya calon hanya mengulas bahan grafik sahaja – maksimum Kurang Memuaskan (10 – 14)
- iii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 150 patah perkataan – maksimum Memuaskan (15 – 19)

Contoh Penulisan Komen :

T – menepati tema

I – relevan, huraian jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat

P - menarik

## **BAHAGIAN B**

**[70 markah]**

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

### **SOALAN 1**

Petikan di atas membuktikan budaya membaca dapat melahirkan masyarakat yang berdaya saing.

Tuliskan sebuah rencana berkaitan faedah membaca.

**Format :** Rencana (Tajuk dan Penulis)

#### **Kehendak / Tugas Soalan:**

Calon diharapkan dapat menulis faedah membaca dapat melahirkan masyarakat yang berdaya saing.

*Kemungkinan:*

- i. Sekiranya calon tidak menulis dalam format rencana – maksimum Kepujian (47 - 58).
- ii. Sekiranya calon hanya menulis faedah membaca tanpa mengaitkannya dengan masyarakat yang berdaya saing – maksimum Kepujian (47 – 58).

#### **Cadangan Isi:**

- dapat meningkatkan ilmu pengetahuan.
- berupaya membawa masuk teknologi baharu dari negara luar.
- minda seseorang akan lebih sihat - menggunakan sel-sel dalam otak untuk berfikir dan mengaktifkannya.
- kelebihan untuk fokus dalam menghadapi atau menyelesaikan masalah.
- meningkatkan dan menguatkan memori seseorang.
- meningkatkan disiplin, kreativiti – inspirasi kepada idea-idea yang baharu.
- mengurangkan stres atau tekanan.
- dapat membantu berkomunikasi dengan lebih baik.



## SOALAN 2

Ketaasuban remaja dalam menggunakan telefon pintar ternyata membawa kesan negatif kepada mereka.

Huraikan kesan penggunaan telefon pintar kepada golongan remaja.

### **Kehendak / Tugas soal :**

Calon diharapkan dapat menghuraikan kesan positif dan negatif penggunaan telefon pintar kepada golongan remaja.

*Kemungkinan:*

- i. Sekiranya calon menghuraikan kesan kepada masyarakat umum – tidak fokus kepada golongan remaja, maksimum : Kepujian (47 – 58)
- ii. Sekiranya calon menghuraikan kesan negatif sahaja – diterima.
- iii. Sekiranya calon menghuraikan kesan positif sahaja - diterima

Cadangan jawapan

- Terpengaruh dengan budaya tidak sihat – menyebarkan berita tidak benar, melayari laman porno
- Mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai pelajar dan anak – tidak fokus kepada akademik, tidak membantu ibu bapa
- Menjejaskan kesihatan – kajian menunjukkan terlalu lama menghadap skrin akan menjejaskan penglihatan.
- Membolehkan remaja mengakses maklumat berkaitan pelajaran dan tugas masing-masing
- Mempermudah komunikasi antara remaja dan rakan-rakan serta saudara mara / mengakrabkan hubungan
- Memudahkan pelaksanaan PdPR.

## SOALAN 3

Petikan di atas menunjukkan kepentingan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) kepada negara.

Huraikan kepentingan Pendidikan TVET.

### **Kehendak / Tugas soal :**

Calon diharapkan dapat menghuraikan kepentingan Pendidikan TVET.

Cadangan jawapan

- Meningkatkan kemahiran diri dalam bidang tertentu seperti automotif / pendawaian elektrik
- Melahirkan generasi yang berdikari yang akhirnya mampu menjadi usahawan / bekerja sendiri
- Melengkapkan diri dengan kemahiran yang sesuai dengan kerjaya semasa
- Mendapat pendedahan meluas tentang penggunaan teknologi terkini.
- Meningkatkan taraf peratusan pekerja mahir di Malaysia.
- mewujudkan tenaga buruh yang berdaya saing di peringkat global

#### SOALAN 4

Setiap warganegara perlu mempunyai rasa cinta yang mendalam kepada negara Malaysia. Nyatakan usaha-usaha yang boleh anda lakukan untuk menunjukkan rasa cinta akan negara.

**Kehendak / Tugas soal :**

Calon diharapkan dapat menghuraikan usaha-usaha yang boleh dilakukannya untuk menunjukkan rasa cinta akan negara.

*Kemungkinan:*

- i. Sekiranya calon menghuraikan usaha pihak lain – mereka, individu, masyarakat, pihak sekolah – maksimum Baik (35 – 46).
- ii. Sekiranya calon menghuraikan usaha 'kita', – terima seperti biasa

Cadangan jawapan

- menyahut kempen Cintai Negara Malaysia yang dijalankan oleh kerajaan dengan cara mengibarkan Jalur Gemilang pada kenderaan dan di rumah.
- belajar dengan bersungguh-sungguh untuk menjadi pelajar yang cemerlang dan seterusnya dapat berbakti kepada negara – usaha tangga kejayaan
- menjadi warganegara yang bertatasusila, berbudi bahasa dan patuh kepada undang-undang negara.
- memahami budaya, adat resam dan agama pelbagai kaum untuk menghapuskan sikap prejudis dalam diri agar dapat hidup aman harmoni – bagai aur dengan tebing
- menghormati para pemimpin dan tokoh pejuang kemerdekaan yang telah banyak berjasa kepada negara – Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Mat Kilau, Rentap dan Tok Janggut.

Contoh Penulisan Komen :

T – menjawab tugas

I – relevan, huraian jelas, contoh sesuai

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat

P – menarik dan berkesan

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

### 1 : MORFOLOGI

#### *Kata majmuk*

- i. hub sukan
- ii. gejala sosial
- iii. budaya Barat
- iv. waktu lapang
- v. sekali gus
- vi. masalah sosial

### 2 : SINTAKSIS

1. Apakah maksud kes pemerdagangan manusia?
2. Siapakah yang melakukan gejala yang tidak bermoral ini?
3. Bagaimanakah ibu bapa mengelakkan anak mereka daripada menjadi mangsa?
4. Di manakah anak-anak suka bermain?
5. Bilakah anak-anak keluar bermain?
6. Mengapakah pengawasan ibu bapa sangat penting?

### 3 : PENYUNTINGAN

#### *6 kesalahan Bahasa dalam Petikan 1*

- |      |                  |   |                         |
|------|------------------|---|-------------------------|
| i.   | inspirasi        | - | aspirasi                |
| ii.  | akademik         | - | akademik                |
| iii. | menggerakkan     | - | menggerakkan            |
| iv.  | sekolah tentukan | - | ditentukan oleh sekolah |
| v.   | perjuangan       | - | persaingan              |
| vi.  | di dalam         | - | dalam                   |

#### *5 kesalahan Bahasa dalam Petikan 2*

- |      |               |   |               |
|------|---------------|---|---------------|
| i.   | ibubapa       | - | ibu bapa      |
| ii.  | adalah        | - | ialah         |
| iii. | dilunturkan   | - | dilenturkan   |
| iv.  | pokok ranting | - | ranting pokok |
| v.   | selesa        | - | sesuai        |

### 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Kertala Sari telah masuk mencuri di rumah saudagar yang lain. Setelah mendapat banyak harta dia telah kembali semula ke tempatnya. Semua harta saudagar yang kaya raya habis dicuri oleh Kertala Sari. Setelah itu saudagar dan orang kaya telah pergi menghadap raja dan menyembah “Ya, tuanku, patik mohon ampun, patik semua kecurian dan hanya tinggal sehelai sepinggang”.

## **5 : PERIBAHASA**

- i. sudah jatuh ditimpa tangga / sudah basah kehujanan / sudah hamba diperhambakan pula
- ii. sambil menyelam minum air / jauh perjalanan luas pemandangan
- iii. usaha tangga kejayaan / kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya / di mana ada kemahuan di situ ada jalan

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**  
**[35 markah]**

**Perhatian bagi soalan 6 dan 7**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

| DESKRIPSI  | MARKAH |
|--|--------|
| • Jawapan tepat mengikut konteks dan ayat gramatis           | 2      |
| • Jawapan tepat mengikut konteks tetapi ayat kurang gramatis | 1      |
| • Jawapan tidak tepat / salah                                | 0      |

2. Soalan 3 markah:

| DESKRIPSI  | MARKAH |
|--|--------|
| • Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3      |
| • Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis    | 2      |
| • Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis          |        |
| • Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis      | 1      |
| • Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis    | 0      |

3. Soalan 4 markah:

| DESKRIPSI  | MARKAH |
|--|--------|
| • Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 4      |
| • Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis    | 3      |
| • Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis    | 2      |
| • Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis      | 1      |
| • Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis    | 0      |

## SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

- (i) maksud *kemahiran berkomunikasi*
- kecekapan / kebolehan / kepandaian / berhubung / berinteraksi / bercakap [2m]
  - kecekapan / kebolehan / kepandaian / berkomunikasi [1m]
  - kemahiran / berhubung / berinteraksi / bercakap. [1m]

- (ii) Petua-petua yang dapat dipraktikkan
- P1 - mengetahui produk dan industri yang ingin diceburi
  - P2 - mengenal pasti pelanggan dan pasaran
  - P3 - membentuk pasukan yang hebat
  - P4 - bijak menguruskan masa
  - P5 - mempersiapkan diri dalam pelbagai kemahiran

[ Maksimum : 3 markah]  
[ Isi cukup : 2 isi]

- (iii) Faktor-faktor
- P1 - perubahan budaya masyarakat yang mementingkan kebendaan.
  - P2 - sikap remaja yang mahu mencari pengalaman .
  - P3 - ingin membantu keluarga untuk menyara kehidupan.
  - P4 - terpengaruh dengan rakan sebaya / selebriti / instafamous
  - P5 - perkembangan bidang teknologi yang memudahkan usahawan

[ Maksimum : 3 markah]  
[ Isi cukup : 2 isi]

- (iv) Perancangan-perancangan
- P1 - mengadakan mesyuarat dengan guru penasihat
  - P2 - mengadakan perbincangan bersama-sama ahli kumpulan
  - P3 - mengenal pasti jenis makanan kegemaran pelajar.
  - P4 - mengadakan promosi / iklan
  - P5 - menyediakan jadual kerja / bertugas / agihan tugas

[ Maksimum : 4 markah]  
[ Isi cukup : 3 isi]

## 7 : PETIKAN SASTERA

- i. maksud *cermin maruah*
- gambaran / lambang / kehormatan/ harga diri [2m]
  - gambaran / lambang / maruah [1m]
  - cermin / kehormatan / harga diri [1m]
- ii. Cabaran bahasa Melayu (Bahan 1)
- P1 - bercampur aduk bahasa pertuturan
- Bahan 2
- P3 - membudayakan bahasa kesat  
P4 - mengagungkan bahasa rojak  
P5 - mengamalkan / menyukai bahasa kasar
- [ Maksimum : 4 markah ]**  
**[ Isi cukup : 3 isi ]**
- iii. Cara meningkatkan penguasaan bahasa Melayu
- P1 - menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan seharian.  
P2 - sentiasa membaca buku, akhbar dan majalah.  
P3 - sentiasa bertanya guru sewaktu proses pembelajaran di dalam kelas / mata pelajaran Bahasa Melayu.  
P4 - menyertai pertandingan pengucapan awam – syarahan, perbahasan Bahasa Melayu
- [ Maksimum : 3 markah ]**  
**[ Isi cukup : 2 isi ]**
- iv. Tindakan menarik minat rakan-rakan
- P1 - berkempen kepada mereka dengan menyatakan kepentingan bahasa Melayu  
P2 - menonjolkan aktiviti-aktiviti menarik yang dijalankan oleh Persatuan Bahasa Melayu.  
P3 - mengadakan lawatan ke Perpustakaan Negara / Perpustakaan Negeri  
P4 - memberikan hadiah bahan bacaan kepada rakan-rakan
- [ Maksimum : 4 markah ]**  
**[ Isi cukup : 3 isi ]**

## SOALAN 8 : NOVEL

- (i) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Aku sewaktu duduk di anjung rumah apabila matanya payah benar hendak lelap.

P1 - menandai pelbagai buku latihan anak-anak didikku.

P2 - menulis rancangan pelajaran dalam buku rekod mengajarku.

P3 - bersembang dengan Tauke Lim.

P4 - menulis puisi atau cerpen.

[ Maksimum : 4 markah]

[ Isi cukup : 3 isi]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

### Panduan Pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang berkaitan dengan masyarakat bertanggungjawab.
- (iv) Berikan 1 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- (v) Markah isi, maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara impression.  
Baik : 2 markah  
Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk Bahasa.
- (ix) Calon yang tidak menjawab 0 markah.

- (ii) **Peristiwa yang dapat dikaitkan dengan masyarakat bertanggungjawab.**

#### a) Novel Pantai Kasih

##### 1. Peristiwa

Doktor Raiha merawat pesakitnya dengan penuh tanggungjawab.

##### Huraian :

Doktor Raiha menjalankan tanggungjawabnya sebagai doktor bedah di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) dengan penuh dedikasi dan mengikut etika kedokteran. Beliau telah merawat pesakitnya, Unong Siron yang menjalani pembedahan sendi tulang pinggul kali keenam. Beliau turut melawat pesakitnya pada waktu malam.

##### 2. Peristiwa:

Doktor Raiha menjaga anaknya, Rohayu dengan baik walaupun Rohayu mengalami kecacatan.

##### Huraian:

Doktor Raiha bertanggungjawab menjaga anak tunggalnya, Rohayu yang mengalami Sindrom Down dengan penuh kasih sayang walaupun suaminya Doktor Sadiz mengarahkan Doktor Raiha menggugurkan kandungannya. Kecacatan anaknya itu tidak menjejaskan kasih sayangnya sebagai seorang ibu.



3. **Peristiwa:**

Ibu Unong Siron sentiasa bertanya kepada doktor tentang keadaan anaknya yang sakit.

**Huraian:**

Ibu Unong Siron bertanggungjawab menjaga Unong Siron yang terlantar sakit di Pusat Rawatan Pantai Kasih dan telah menjalani pembedahan penggantian sendi tulang pinggul sebanyak enam kali. Wang pampasan yang diperoleh hampir habis untuk mengubati anaknya yang sakit.

4. **Peristiwa:**

Ibu Unong Siron memujuk pemuda kurang siuman yang menceroboh masuk ke Pusat Rawatan Pantai Kasih.

**Huraian:**

Apabila Felicia Landosi telah ditahan oleh seorang penceroboh yang menyamar sebagai doktor di bilik bedah, ibu Unong Siron bertanggungjawab menawarkan dirinya untuk memujuk pemuda kurang siuman itu kerana kebetulan pemuda itu merupakan jirannya.

5. **Peristiwa:**

Doktor Raiha telah menegur Felicia Landosi yang bersikap kasar terhadap ibu Unong Siron.

**Huraian:**

Doktor Raiha bertanggungjawab menegur Felicia Landosi supaya melayani dan merawat pesakit dengan adil. Felicia Landosi sering kali melayan pesakit yang bergelar datin dengan penuh mesra dan bertanggungjawab, sebaliknya melayan ibu Unong Siron (golongan sederhana) dengan kasar.

6. **Peristiwa:**

Bapa Doktor Raiha menasihati Doktor Raiha supaya tidak memilih kerjaya sebagai seorang doktor pakar bedah.

**Huraian:**

Bapa Doktor Raiha yang merupakan seorang doktor bedah tidak mahu anaknya turut memilih kerjaya sebagai doktor pakar bedah. Oleh itu, ayah Doktor Raiha bertanggungjawab memberi nasihat dan teguran kepada Doktor Raiha supaya tidak memilih kerjaya sebagai doktor pakar bedah kerana masa yang diperlukan oleh kerjaya tersebut akan menyebabkannya meminggirkan urusan keluarga.

**b) Novel Bimasakti Menari**

1. **Peristiwa :**

Nurul Hafsa melayan sekumpulan kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima Jepun.

**Huraian :**

Nurul Hafsa yang bertugas sebagai Pegawai Sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin bertanggungjawab melayan dengan baik sekumpulan kanak-kanak Sekolah Rendah dari Jepun yang datang untuk melihat bintang. Hasrat mereka tidak tercapai akibat keadaan langit cerah. Nurul Hafsa berjanji untuk memastikan hasrat 15 orang budak kecil dari Jepun tercapai.

**2. Peristiwa :**

Nurul Hafsa dan abangnya Budiman menyelamatkan Muhammad Taufik.

**Huraian :**

Nurul Hafsa dan abangnya Budiman bertanggungjawab untuk menyelamatkan Muhammad Taufik yang cedera di kepala akibat dipukul oleh penjenayah upahan dalam semak. Kedua-dua mereka telah menghantar Muhammad Taufik untuk mendapatkan rawatan di hospital.

**3. Peristiwa :**

Nurul Hafsa menyediakan laporan tentang tahap kecerahan langit di Kuala Selangor.

**Huraian :**

Nurul Hafsa bertanggungjawab menyediakan laporan tentang tahap kecerahan langit di Kuala Selangor untuk diserahkan kepada Pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor. Nurul Hafsa berbuat demikian dalam usaha untuk menjayakan hasratnya menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap.

**4. Peristiwa :**

Muhammad Taufik membina sebuah rumah Ikhtiar Teknoalam berkonsepkan mesra alam.

**Huraian :**

Muhammad Taufik bertanggungjawab membina sebuah rumah model berkonsepkan mesra alam iaitu Rumah Ikhtiar Teknoalam di Kampung Kuantan. Projek ini bertujuan untuk memastikan rumah-rumah yang akan dibina dapat mengekalkan kelestarian alam sekitar dan mengekalkan populasi kelip-kelip di Kuala Selangor.

**5. Peristiwa :**

Muhammad Taufik ingin menyatukan ibu bapanya yang telah berpisah.

**Huraian :**

Muhammad Taufik bertanggungjawab untuk menyatukan kedua-dua ibu bapanya yang telah berpisah sejak sekian lama. Perpisahan mereka disebabkan masing-masing mempunyai sikap ego dan keras hati. Akhirnya kedua-dua ibu bapanya telah bersatu kembali.

**6. Peristiwa :**

Konstabel Hussein memeriksa jambangan bunga yang dikirim oleh Nurul Hafsa kepada Muhammad Taufik.

**Huraian :**

Konstabel Hussein sebagai anggota polis yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan Muhammad Taufik yang sedang dirawat di hospital bertanggungjawab memeriksa jambangan bunga yang dikirim oleh Nurul Hafsa.

## SOALAN 9 : RUMUSAN

[30 markah]

### PERATURAN PEMARKAHAN : BAHAGIAN C

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [ 20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
  - nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| Bahagian                  | Bilangan Isi         | Bilangan Isi Diterima |          |          |          |           | Markah Isi Maksimum |
|---------------------------|----------------------|-----------------------|----------|----------|----------|-----------|---------------------|
| <b>(i) Pendahuluan</b>    |                      |                       |          |          |          |           | <b>2</b>            |
| <b>(ii) Isi Bahan 1</b>   |                      |                       |          |          |          |           |                     |
| Fokus 1                   | 2                    | 2                     | 2        | 1        | 2        | 1         | <b>16</b>           |
| Fokus 2                   | 4                    | 3                     | 2        | 3        | 4        | 4         |                     |
| <b>(iii) Isi Bahan 2</b>  |                      |                       |          |          |          |           |                     |
| Fokus 1                   | 4                    | 3                     | 4        | 4        | 2        | 3         |                     |
| <b>JUMLAH ISI</b>         | 10                   | <b>8</b>              | <b>8</b> | <b>8</b> | <b>8</b> | <b>8</b>  |                     |
| (iv) Penutup / Kesimpulan |                      |                       |          |          |          |           | <b>2</b>            |
|                           | <b>Jumlah Markah</b> |                       |          |          |          | <b>20</b> |                     |

## **Pendahuluan [2 markah]**

Rumusan / Bahan membincangkan **usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara / tindakan-tindakan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat** dan **kesan-kesan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.**

[2 markah]

Rumusan / Bahan membincangkan **usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara / tindakan-tindakan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.**

[1 markah]

Rumusan / Bahan membincangkan **kesan-kesan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.**

[1 markah]

## **ISI**

**Fokus 1 : Usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara / tindakan-tindakan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.**

### **BAHAN 1 (Petikan)**

1. menyedarkan ibu bapa tentang pentingnya memupuk nilai-nilai murni dalam diri anak-anak semasa mereka masih kecil.
2. kerajaan perlu mengadakan kempen kesedaran kepada masyarakat.

### **BAHAN 2 (Grafik)**

1. murid diterapkan nilai yang bersesuaian semasa sesi PdP.
2. murid perlu menzahirkan amalan nilai murni dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
3. guru memberi penghargaan kepada murid dan memberi penghargaan sesama rakan.
4. guru mengadakan program untuk menggalakkan penghayatan dan amalan nilai murni.

**FOKUS 2 : Kesan-kesan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.**

### **BAHAN 1 (Petikan)**

1. memajukan negara.
2. mengeratkan perpaduan masyarakat majmuk di negara kita.
3. mengekalkan kestabilan politik dalam negara Malaysia.
4. melahirkan insan yang berakhlak mulia.

### **BAHAN 2**

Tiada

## **KESIMPULAN [2 markah]**

K1 - Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat supaya / agar lahirnya generasi yang cemerlang dan terbilang.

[2 markah]

K2 - Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.

[1 markah]

(b) **Bahasa [10 markah]**

Markah bahasa dinilai secara holistik berdasarkan penggunaan bahasa oleh calon dan bukan berdasarkan jumlah isi yang diperoleh. Asas pemberian markah bahasa adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA   |
|-----------|--------|--|
| CEMERLANG | 8 – 10 | <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kesenambungan ayat sangat baik</li><li>▪ Bahasa sangat gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li><li>▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li><li>▪ Pengolahan sangat menarik dan berkesan</li></ul>                            |
| BAIK      | 5 – 7  | <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kesenambungan ayat baik</li><li>▪ Bahasa masih gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li><li>▪ Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat</li><li>▪ Pengolahan masih menarik dan berkesan</li></ul>                               |
| SEDERHANA | 3 – 4  | <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kesenambungan ayat kurang baik</li><li>▪ Bahasa kurang gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li><li>▪ Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat</li><li>▪ Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan</li></ul> |
| LEMAH     | 1 – 2  | Pada keseluruhannya, penggunaan bahasa tidak memuaskan / pengolahan lemah.   |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT